

KOMUNITI DIGITAL MALAYSIA

Tip Pengguna Yang Berhemah

Oleh: Mohd Syamil Mohd Yusoff

CyberSecurity MALAYSIA
An agency under MOSTI



Celik Siber



Dalam arus dunia digital yang semakin canggih serta evolusi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang berubah dengan begitu pantas sekali, akses kepada internet dan aplikasinya kini menjadi semakin bertambah mudah. Keadaan ini disokong dengan wujudnya pelbagai kemudahan seperti perluasan rangkaian jalur lebar dan penggunaan telefon pintar, gajet mudah alih serta tablet yang telah memudahkan kita mengakses internet dan aplikasinya pada bila-bila masa walau di mana jua kita berada.

Biarpun ianya merupakan suatu perkembangan positif dunia ICT sejajar dengan wawasan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Berikut dikongsikan beberapa tip agar adik-adik menjadi pengguna yang berhemah sewaktu berada di alam siber:

1 Maklumat peribadi - jangan beri atau kongsi maklumat peribadi seperti **alamat rumah, nama dan alamat sekolah** serta **nombor telefon** kepada orang yang tidak dikenali di alam siber tanpa mendapat kebenaran ibu bapa.

2 Kata laluan - jangan kongsi **kata laluan** (password) dengan sesiapa jua di alam siber kecuali dengan ibu bapa atau adik-beradik yang lain. Jika adik-adik menggunakan komputer awam seperti yang terdapat di kafe siber, pastikan adik-adik **'logout' akaun emel, facebook** atau apa jua aplikasi internet yang mempunyai kata laluan setelah selesai menggunakannya.

3 Gambar - jangan kongsi **gambar atau video** secara 'online' tanpa kebenaran ibu bapa.

4 Rakan Online - jangan berjumpa, bersua muka atau bertemu **rakan-rakan yang dikenali secara 'online'** kecuali setelah mendapat kebenaran ibu bapa. Jika ibu bapa mengizinkan, pastikan adik-adik ditemani oleh ibu, bapa, abang atau kakak.

5 Iklan Online - jangan **beli barangan** yang diiklankan secara 'online' tanpa kebenaran ibu bapa. Ini kerana terdapat iklan secara 'online' yang dibuat dengan tujuan menipu. Setelah mendapat persetujuan ibu bapa, semak kesahihan iklan sebelum membuat pembelian.

6 Muat-turun - jika adik-adik ingin memuat turun sesuatu secara 'online', sama ada melalui pautan di laman sesawang atau menerusi file yang dihantar melalui emel, bertanyalah dahulu kepada ibu bapa. Ini kerana pautan atau file yang dimuat-turun tersebut mungkin mengandungi **virus** yang boleh mengancam komputer.

7 Membuli - jangan hantar mesej yang berunsur membuli atau menjatuhkan orang lain melalui internet. Jika adik-adik menerima **mesej berunsur membuli**, maklumkan perkara tersebut kepada ibu bapa.

8 Laman Rangkaian Sosial - kebanyakan laman rangkaian sosial seperti **Facebook, Twitter, MySpace** dan sebagainya mempunyai had umur yang tertentu. Jangan buka dan aktifkan akaun laman sosial jika adik-adik belum mencapai had umur yang dibenarkan.

9 Kaji selidik - jika adik-adik menggunakan internet sebagai sumber untuk membuat kaji selidik ke atas kerja rumah yang diberi guru, adik-adik disarankan agar mendapatkan nasihat guru atau ibu bapa untuk **mengakses laman sesawang** yang betul.

Kesimpulan

Semoga perkongsian ini menjadikan adik-adik tergolong dalam Komuniti Digital Malaysia yang sentiasa memimba ilmu pengetahuan mengenai keselamatan siber. Ini supaya kita termasuk dalam kelompok yang pintar, berhemah dan bertanggungjawab.